

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
BAHAGIAN PENCEN  
BANGUNAN ORIENTAL PLAZA,  
TINGKAT 11 & 12, JALAN PARRY,  
KUALA LUMPUR.

28hb. Oktober, 1974

Tuan,

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 18 TAHUN 1974**

**Peraturan Menyediakan Kertas Tamat Perkhidmatan  
bagi Pegawai-pegawai Persekutuan.**

Saya adalah di arah merujuk kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1974](#) mengenai perkara di atas.

2. Perenggan 10 Surat Pekeliling tersebut telah menyatakan bahawa suatu tarikh akan ditetapkan mengenai pengambilan-alih tugas-tugas perkiraan, meluluskan dan pembayaran faedah-faedah tamat perkhidmatan oleh Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam berkenaan dengan Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan selain daripada yang telah dinyatakan di perenggan 8 Surat Pekeliling yang sama.

3. Adalah dimaklumkan bahawa suatu keputusan telahpun diambil dimana Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengambil alih tugas-tugas yang telah dinyatakan berkenaan dengan pegawai-pegawai Persekutuan yang bertugas di Kementerian-kementerian dan Jabatan-Jabatan yang lainnya itu yang bersara mulai daripada 1hb. April, 1975 dan kemudiannya atau meninggal dunia dalam perkhidmatan pada atau selepas tarikh tersebut, melainkan Kementerian-Kementerian yang berikut dan semua Jabatan-Jabatan di bawah jagaan mereka:-

Kementerian Pelajaran

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Kementerian Kesihatan.

Dalam kes-kes Kementerian-Kementerian/Jabatan-Jabatan yang terkemudian ini tarikh pengambilan-alih ialah 1hb. Julai, 1975.

4. Dalam keadaan ini, perenggan 9 [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.7 Tahun 1974](#) akan juga digunakan seolah-olah tarikh 1hb. Ogos, 1974 yang terdapat didalamnya telah digantikan oleh tarikh 1hb. April, 1975 atau 1hb. Julai, 1975, mengikut mana yang berkenaan.

Saya yang menurut perintah,

(CLEMENT Y. M. HON)

Bahagian Pencen,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan  
Awam,  
Malaysia.

Kepada: Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan-Jabatan Persekutuan.

Salinan: Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.